

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HKB 314 – KARYA-KARYA TERPILIH DARI KESUSASTERAAN  
AMERIKA LATIN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. “Gradually a collective consciousness began to emerge. The Cuban Revolution of 1959 sparked the hope of change and self-determination throughout the region and ushered in a period of cultural effervescence” (Deborah N. Cohn). Berasaskan pernyataan ini, bincangkan kebangkitan kesedaran kesatuan sastera bagi benua Amerika Latin dan keinginan untuk menjadi sebahagian daripada sastera dunia sehingga membawa kepada fenomena “boom.”
2. Dengan merujuk kepada beberapa orang pengarang Amerika Latin dan karya mereka, bincangkan perhubungan antara “boom” dengan genre sastera yang disebut realisme magis (*magic realism* atau *magical realism*) yang bersemarak dari akhir tahun 50-an hingga tahun 70-an.
3. Novel Gabriel Garcia Marquez, *One Hundred Years of Solitude*, sering dianggap kemuncak bagi perkembangan genre realisme magis. Novel oleh pengarang Columbia ini juga dikatakan telah menyebabkan timbulnya jolokan umum Macondo kepada dunia yang melatari kehidupan dalam fiksyen Amerika Latin era tersebut. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
4. Di bahagian awalnya, novel *One Hundred Years of Solitude* mengisahkan pembukaan kampung Macondo oleh Jose Arcadio Buendia dan Ursula Iguaran. Tentang kampung yang indah dan damai itu dikatakan bahawa “(it) was so recent that many things lacked names.” Tentang penghuninya pula, dikatakan bahawa mereka semuanya muda belaka. Sambil melakarkan pembukaan dan pembinaan Macondo, bincangkan sejauhmanakah benarnya pendapat bahawa kisah ini meniru detik awal keadaan dunia dan manusia di dalam *Bible*, khususnya “Book of Genesis”?
5. Dengan merujuk kepada watak Jorge Malabia, bincangkan pokok persoalan cerpen “Presence.” Sejauhmanakah Jorge Malabia dapat dikaitkan dengan pengarang cerpen ini, Juan Carlos Onetti dari Uruguay?
6. Bincangkan kesan-kesan kejiwaan ke atas Dulce Rosa yang diperkosa dan Tadeo Cespedes yang memperkosanya seperti yang terdapat dalam cerpen “An Act of Vengeance” oleh Isabel Allende dari Chile. Sejauhmanakah sikap dan tindakan Dulce Rosa membayangkan pemikiran dan pendirian feminis pengarang karya ini?

7. Gerakan *onda* (gelombang) bermula ketika karya generasi *boom* masih dihasilkan. Gerakan ini sering dikaitkan dengan José Agustín dari Mexico dengan karyanya *La tumba* (The Tomb), 1964. Bincangkan secara kritis ciri-ciri gerakan ini dan peranan Agustín dalam perkembangan sastera Amerika Latin.
8. Pada tahun 1996 Alberto Fuguet dan teman-temannya mengiyustiharkan kematian Macondo dan menutup pintu realisme magis. Sebagai gantinya mereka menampilkan genre McOndo dengan realisme yang mereka dakwa lebih mewakili keadaan sebenar di Amerika Latin. Dengan merujuk kepada tulisan-tulisan Alberto Fuguet (1997) dan Mac Margolis (2002), huraikan ciri-ciri McOndo dan bahaskan prospek genre baru ini.